

12/05/2003

40,000 penyokong Umno banjiri Stadium Merdeka

KUALA LUMPUR: Kira-kira 40,000 orang ahli dan penyokong Umno membanjiri Stadium Merdeka, di sini malam tadi bagi meraikan sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-57.

Kehadiran mereka sejak jam 6 petang diraikan dengan persembahan hiburan artis tempatan sebelum ketibaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 8.30 malam.

Sambutan ulang tahun Umno itu diadakan dengan tema 'Perjuangan Sebuah Bangsa' bagi meningkatkan kesedaran rakyat, terutama generasi muda mengenai jasa dan pengorbanan Umno yang menjadi tunjang pemerintahan Barisan Nasional (BN) dalam memajukan negara.

Seramai 200 tenaga kerja Umno dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bertungkus-lumus membuat pelbagai persiapan sejak dua minggu lalu.

Dr Mahathir memulakan program sambutan itu dengan memeriksa barisan Briged Pemuda Umno, Briged Wanita dan Puteri Umno.

Beliau diiringi Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Puteri Umno, Azalina Othman.

Majlis itu dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Umno sebelum ahli dan penyokong Umno menyanyikan lagu Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.

Selepas itu, lagu Umno Teras Negara dinyanyikan dengan diikuti lagu Ikrar Pemuda, Maju Wanita Umno dan Lagu Puteri serta lagu BN.

Program itu diserikan dengan aksi beberapa penerjun payung terjun dari pesawat dengan membawa sebuah potret gergasi Dr Mahathir dan bendera Umno.

Bagi menyerikan majlis yang gilang-gemilang itu, pertunjukan bunga api turut diadakan.